



BULETIN

BHEUU

JABATAN PERDANA MENTERI



APA ITU
KEBANKRAPAN INDIVIDU?
BANTU KAMI UNTUK MEMBANTU ANDA

17

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
DAN JASAMU DIKENANG 2013

18

LAWATAN KE BERNAMA

19

KLINIK BANTUAN GUAMAN 1MALAYSIA

28

KSK BHEUU

29

PUSPANITA BHEUU

TAHUKAH ANDA?
10 PERKARA YANG
MEROSAKKAN OTAK



ISI KANDUNGAN

Dari Meja Ketua Editor	2
Perutusan Ketua Pengarah	3
BHEUU	
Artikel Kebankrapan Individu	4
Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010	7
Program Pembudayaan ICT	8
Lawatan kerja Ketua Pengarah ke Tapak Projek	9
Majlis Sambutan Maulidur Rasul	13
Perhimpunan Bulanan BHEUU	14
Majlis Amanat KSN	16
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang 2013	17
Lawatan ke Menara Berkembar Petronas	17
Lawatan ke BERNAMA	18
Aktiviti JB G bagi Januari hingga Jun 2014	19
Tahukah Anda? 10 Perkara yang merosakkan	25
KSK BHEUU	26
PUSPANITA BHEUU	28
Etika di tempat Kerja	30

DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum W.B.T dan Salam 1Malaysia,


Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersua kembali pada Edisi Buletin Bil.1/2014. Penulisan artikel dan berita dalam buletin ini diharap dapat dijadikan memori indah bagi warga BHEUU, JBG dan Mdl.

Sesungguhnya kerjasama erat antara kita telah dapat menerbitkan buletin ini untuk tatapan kita bersama. Perkongsian maklumat ini mewarnai kehidupan walaupun sibuk dengan bebanan tugas harian.

Semoga edisi kali ini dapat memenuhi citarasa pembaca dalam kalangan warga BHEUU, JBG dan Mdl. Ia bersesuaian dengan harapan kami untuk menjadikan buletin ini sebagai bahan bacaan yang memberikan manfaat serta pengetahuan yang berguna kepada semua dalam memacu kejayaan bersama seiring dengan hasrat BHEUU mencapai matlamat organisasi.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Buletin Edisi Bil.1/2014. Segala usaha yang dicurahkan amat dihargai. Sekian.

Selamat membaca,



Haji Adnan Bin Ibon
KETUA EDITOR



PERUTUSAN KETUA PENGARAH

BULETIN BHEUU BIL.1/2014

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM 1 MALAYSIA,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat bertemu kembali dengan semua warga BHEUU, JBG dan Mdl melalui penerbitan Buletin BHEUU Bil.1/2014. Semoga semua warga BHEUU, JBG dan Mdl sihat sejahtera menjalani kehidupan harian sama ada dalam melaksanakan tugas rasmi mahupun bukan rasmi.

Secara keseluruhannya saya bangga BHEUU dan agensi di bawahnya secara bersepadu memberi sumbangan kepada pengisian buletin ini yang dapat memberi manfaat kepada para pembaca. Pengembangan usaha sebegini harus diteruskan dalam segala aspek tugas rasmi dengan tujuan memberi kesan baik kepada penghasilan setiap bidang tugas.

Buletin yang memaparkan aktiviti BHEUU dan maklumat-maklumat ini dapat dijadikan bahan pengetahuan kepada kita semua.

Saya berharap semua warga kerja BHEUU, JBG dan Mdl meneruskan kerja berpasukan dan momentum kecemerlangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab diamanahkan.

Selamat memberi sumbangan bakti kepada Negara dan organisasi.

Selamat maju jaya,

Dato' Haji Ismail bin Ibrahim
KETUA PENGARAH
 Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang



SIDANG REDAKSI BULETIN

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BIL 1/2014

PENASIHAT :**YBHG. DATO' HJ ISMAIL BIN IBRAHIM****KETUA EDITOR :****TUAN HAJI ADNAN BIN IBON****SIDANG PENGARANG :****PUAN SHAMSIAH BINTI DAUD****CIK SELVAKUMARI A/P SELVADASAN****PUAN MARIETTA RACHEL LUKIE****PUAN SHAEZLIANA BINTI SHAEIN****ENCIK ZAKARIA BIN ISMAIL****PUAN NAZIAH BINTI MOHAMED****PUAN SHAMSIAH BINTI CHEE ROS****ENCIK SAHRUN BIN AMZAH****PEMBANTU PENERBITAN :****PUAN PREMA A/P RAGHAVEN****PUAN INTAN AZWANI BINTI AHAMAD****JURUFOTO :****ENCIK AMIR SHAH HJ ABU ADAM****TERBITAN:****UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,BHEUU**

KEBANKRAPAN INDIVIDU


APA ITU KEBANKRAPAN INDIVIDU?

Kebankrapan merupakan satu proses undang-undang di mana seorang penghutang itu diisyiharkan sebagai ‘bankrap’ lanjutan daripada suatu perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi terhadap penghutang tersebut atas kegagalan atau ketidakupayaan untuk membayar hutang sekurang-kurangnya RM30,000.00. Permohonan kepada mahkamah boleh dibuat oleh pemutang maupun penghutang itu sendiri. Bagi permohonan yang dibuat oleh penghutang sendiri, tiada had untuk nilai hutang.


Seseorang bankrap hendaklah melaporkan segala harta dan tanggungannya kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk ditadbir. Harta bankrap akan ditadbir bagi menguruskan hutang dengan pihak pemutang dan seterusnya membantu mereka keluar daripada kebankrapan.

Selain itu, bankrap juga akan dikenakan beberapa sekatan seperti tidak dibenarkan untuk keluar negara, memegang jawatan-jawatan tertentu seperti Pengarah atau Pengurus atau melibatkan kewangan sesebuah syarikat/perniagaan dan mengendalikan perniagaan persendirian (*sole proprietorship*) atau per-kongsian (*partnership*). Walau bagaimanapun, sekatan-sekatan tersebut boleh dikecualikan sekiranya bankrap membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan diberi kebenaran oleh Ketua Pengarah Insolvensi. Bankrap yang ingin bekerja dengan mana-mana syarikat milik suami atau isteri, individu yang mempunyai pertalian darah dengan suami atau isteri dan adik beradiknya atau adik-beradik (ipar) suami/isteri (ipar) juga perlu mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi.

Namun, status kebankrapan bukanlah gelaran yang harus disandang seumur hidup oleh individu berkenaan. Terdapat tiga (3) cara untuk seseorang bankrap keluar daripada kebankrapannya iaitu Pembatalan melalui Mahkamah, Pelepasan melalui Mahkamah dan Pelepasan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi. Kaedah penamatkan kebankrapan dengan cara mendapatkan Pembatalan atau Pelepasan melalui Mahkamah melibatkan pemfailan permohonan oleh bankrap ke Mahkamah manakala penamatkan kebankrapan dengan mendapatkan Pelepasan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi hanya melibatkan pemfailan permohonan kepada Ketua Pengarah Insolvensi. Ketua Pengarah Insolvensi mempunyai kuasa budi bicara untuk melepaskan bankrap dengan mengambil kira kriteria tertentu, khususnya kerjasama yang diberikan bankrap kepada Ketua Pengarah Insolvensi dalam pentadbiran kes kebankrapan beliau. Walau bagaimanapun, keputusan Ketua Pengarah Insolvensi untuk melepaskan bankrap melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi tertakluk kepada bantahan pemutang dan keputusan mahkamah sekiranya pihak pemutang memfailkan permohonan kepada mahkamah untuk menghalang Ketua Pengarah Insolvensi daripada mengeluarkan Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi kepada bankrap.



CARTA ALIRAN
TINDAKAN INDIVIDU YANG BANKRAP SELEPAS MENDAPAT PERINTAH PENERIMAAN
DAN PERINTAH PENGHUKUMAN



BANTU KAMI UNTUK MEMBANTU ANDA !

Setelah seseorang individu menerima perintah penerimaan dan perintah penghukuman (diisyiharkan bankrap), beliau perlu memberi kerjasama yang baik dengan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl). Ini bertujuan untuk membolehkan pentadbiran kes beliau dijalankan secara teratur. Beliau hendaklah :

(A) Menghadiri sesi temu kenal di Mdl



Dalam sesi temu kenal maklumat seperti berikut akan direkodkan:

- i. maklumat peribadi (spt: alamat terkini, pekerjaan bankrap, taraf akademik bankrap);
- ii. maklumat tempat tinggal (spt: pengesahan kediaman);
- iii. maklumat keluarga (taraf perkahwinan, maklumat pasangan, tanggungan);
- iv. maklumat pekerjaan;
- v. maklumat kebankrapan; sebab-sebab berhutang; dan
- vi. cadangan penyelesaian hutang

(B) Memfailkan Penyata Hal Ehwal (PHE)

Penyata Hal Ehwal (PHE) perlu diserahkan dalam tempoh 7 hari bagi petisyen penghutang (permohonan oleh bankrap) dan 21 hari bagi petisyen pemutang (permohonan oleh pemutang) dari tarikh perintah kebankrapan. Bankrap perlu mengisyiharkan dengan jujur dan telus segala aset dan tanggungan dalam PHE.



(C) Memfailkan penyata pendapatan dan perbelanjaan

Bankrap hendaklah memfailkan penyata pendapatan dan perbelanjaan setiap 6 bulan sekali bermula daripada tarikh kebankrapan. Penyata tersebut hendaklah mengandungi akaun bagi semua wang dan harta yang diperoleh dalam tempoh 6 bulan terdahulu.

(D) Mengemas kini maklumat peribadi

Bankrap perlu sentiasa mengemas kini maklumat beliau dari semasa ke semasa dan memaklumkan kepada Mdl. Antara maklumat tersebut adalah seperti berikut:

- i. sekiranya terdapat pertukaran alamat;
- ii. maklumat pekerjaan seperti gaji, bonus, elaun dan lain-lain; dan
- iii. sebarang aset yang dimiliki selepas tarikh kebankrapan seperti mewarisi harta pusaka, polisi insurans, wang simpanan di bank dan lain-lain.



BENGKEL AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711] KEPADА PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) ZON TENGAH

BANGI, 28 April — Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Zon Tengah telah diadakan di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bangi, Selangor. Bengkel ini merupakan siri ke-5 dalam siri bengkel yang dirancang dan diadakan mengikut zon semenjak tahun 2012. Seramai 48 orang peserta daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan PBT Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Kelantan dan Terengganu telah menghadiri bengkel tersebut. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan peserta berkenaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]; Selain itu, ia bertujuan memastikan pelaksanaan Akta 711 diluaskan di peringkat negeri. Seterusnya melalui bengkel ini para peserta dapat menyebarkan maklumat mengenai pelaksanaan Akta ini secara rasmi atau tidak rasmi kepada orang awam dan pegawai lain di jabatan masing-masing.



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KONSOLIDASI RANGKAIAN SETEMPAT (LAN) MAHKAMAH SABAH DAN SARAWAK



CYBERJAYA, 27 Mei - Majlis penyerahan projek Konsolidasi Rangkaian Setempat (LAN) Mahkamah Sabah dan Sarawak kepada pihak Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah BHEUU, YBhg. Dato' Ismail bin Ibrahim. Majlis berlangsung di Cyberview Lodge Resort and SPA, Cyberjaya. Dalam ucapan perasmian, Ketua Pengarah BHEUU berharap agar kejayaan projek yang melibatkan 26 lokasi mahkamah di Sabah dan Sarawak dapat membantu memantapkan pelaksanaan Sistem e-Kehakiman di semua mahkamah. Selain itu, ia membantu pihak mahkamah untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat serta meningkatkan status badan kehakiman Negara.

Ketua Pengarah BHEUU menyampaikan cenderamata kepada Puan Azimah binti Omar, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia sebagai simbol penyerahan projek rangkaian LAN kepada pihak mahkamah sambil disaksikan oleh Tuan Haji Azami Maitit, Pengarah Urusan Kayangan Cahaya Sdn. Bhd.



PROGRAM PEMBUDAYAAN ICT 2014



PUTRAJAYA, 18 Jun - BHEUU telah menganjurkan Program Pembudayaan ICT 2014 bermula pada awal Jun 2014 dan berakhir pada 30 Jun 2014. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ismail bin Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU, di Dewan Harmoni. Program ini bertujuan untuk memupuk minat dan kesedaran warga BHEUU, JBG dan Mdl terhadap kepentingan ICT dalam kehidupan. Antara pengisian dalam program ini ialah permainan berunsurkan ICT. Sebanyak tiga kategori pertandingan iaitu Mencipta Montaj, Pertandingan Silang Kata dan Pertandingan *pc challenge* telah dilaksanakan sepanjang tempoh program ini berlangsung



LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH BHEUU KE TAPAK PROJEK BANGUNAN TAMBAHAN MAHKAMAH BARU KLANG, SELANGOR



YBhg. Dato' Ketua Pengarah bersama pegawai-pegawai Seksyen Pembangunan telah membuat lawatan tapak pada 20 Jun 2014 ke Bangunan Tambahan Mahkamah Baru Klang, Selangor. Projek ini melibatkan kerja-kerja menyiapkan pembinaan sebuah bangunan baru dengan skop pembinaan 3 bilik bicara Mahkamah Seksyen dan 5 bilik bicara Mahkamah Majistret. Prestasi fizikal projek adalah pada tahap 99% .

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH BHEUU KE TAPAK PROJEK PEMULIHARAAN DAN PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN SULAIMAN, JALAN DAMANSARA KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah bersama pegawai-pegawai Seksyen Pembangunan telah membuat lawatan tapak pada 7 Julai 2014 ke Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara Kuala Lumpur yang sedang dipulihara dan diubahsuai. Projek di atas tapak seluas 3.484 ekar antaranya akan menempatkan pejabat Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRC). Kerja-kerja pembinaan dijadualkan siap pada 15 Julai 2014.



LAWATAN KE TAPAK CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN MAHKAMAH DI BAWAH ROLLING PLAN KEEMPAT (RP4), RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH RMKE-10)

BHEUU telah mengemukakan permohonan peruntukan projek pembangunan mahkamah baru bagi *Rolling Plan Keempat (RP4)*, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM). Antara projek yang dicadangkan adalah Mahkamah Baru Ampang, Mahkamah Baru Tapah, Mahkamah Baru Jerantut, Mahkamah Baru Kluang, Mahkamah Baru Labis dan Mahkamah Baru Bertam. Justeru, bagi mendapatkan justifikasi dan gambaran yang lebih jelas, BHEUU telah mengadakan lawatan ke bangunan mahkamah sedia ada dan tapak projek bermula 7 hingga 19 Mei 2014.



Mahkamah Majistret Ampang, Selangor (sedia ada) dan cadangan tapak



Mahkamah Majistret Tapah, Perak (sedia ada) dan cadangan tapak



Mahkamah Majistret Jerantut, Pahang (sedia ada) dan cadangan tapak

**LAWATAN KE TAPAK CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN MAHKAMAH DI BAWAH
ROLLING PLAN KEEMPAT (RP4), RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (RMKE-10)**



Mahkamah Majistret Kluang, Johor (sedia ada) dan cadangan tapak



Mahkamah Majistret Labis, Johor (sedia ada) dan cadangan tapak




Cadangan tapak mahkamah di Bertam, Pulau Pinang

BENGKEL KAJIAN SEMULA OUTCOME, BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), JABATAN PERDANA MENTERI

Bengkel Kajian Semula *Outcome* telah diadakan pada 19 Jun 2014 di Bilik Mesyuarat Wawasan, Aras 4, Bangunan BHEUU. Sesi taklimat dikendalikan oleh Encik Husni Alhan Md. Salimun dan Puan Nurul Izzati Mohamed Yusuff daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Bengkel ini bertujuan menerapkan pengetahuan dalam kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Seksyen Pembangunan, BHEUU dalam melaksanakan kajian formal mengenai keberkesanan projek pembangunan terhadap golongan sasar melalui proses pengumpulan dan analisis data.

PENGURUSAN TENAGA DI BANGUNAN BHEUU

Jawatankuasa Penjimatan Tenaga (JKPTEN) mendapati kadar penggunaan dan caj elektrik dari bulan Januari hingga bulan Mei 2014 menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak 1.77% dan 18.6% berbanding Purata Penggunaan Tahun 2013. Trend yang sama turut dikesan pada laporan penggunaan *chilled water* yang mana masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 39.3% dan 10% berbanding Purata Penggunaan Tahun 2013.



Sebagai salah satu usaha untuk mengelakkan peningkatan ini daripada berterusan, JKPTEN telah melancarkan Pertandingan Penjimatan Tenaga 2014 sejak Januari 2014 yang lalu. Pemenang akan ditentukan berdasarkan purata markah diperolehi selepas 4 bulan penilaian.

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

1435H / 2014

PUTRAJAYA, 14 Januari—Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan turut disertai oleh YBhg. Dato' Haji Ismail bin Ibrahim, Ketua Pengarah, Encik Suhaimi bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembagunan) serta warga BHEUU di Dataran Masjid Putra, Putrajaya.



PERHIMPUNAN BULANAN BHEUU JANUARI-JUN 2014





SUASANA SEPANJANG PERHIMPUNAN BULANAN JANUARI—JUN 2014

MAJLIS AMANAT TAN SRI KETUA SETIAUSAHA NEGARA 2014**MENERUSKAN MOMENTUM
TRANSFORMASI, MERAKYATKAN
PERKHIDMATAN AWAM**

PUTRAJAYA, 20 Januari —YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara menyatakan transformasi yang dimaksudkan adalah bersifat *structural* iaitu dasar negara dan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berupaya meningkatkan daya saing Negara, menjana dan meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang positif. Penjawat awam perlu berkongsi impak pengurangan perbelanjaan bersama rakyat selaras dengan konsep ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’. Beliau turut mengingatkan penjawat. Beliau turut menyeru agar semua penjawat awam memperkasakan Agenda Transformasi Negara, menjadi sebuah negara maju dan disegani di persada antarabangsa.



YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara menyampaikan Amanat 2014 “Meneruskan Momentum Transformasi, Merakyatkan Perkhidmatan Awam” pada 20 Januari 2014 di Dewan Plenari, PICC, Putrajaya yang dihadiri oleh ketua-ketua jabatan dan anggota perkhidmatan awam.

LAWATAN KE MENARA BERKEMBAR PETRONAS, KLCC

Lawatan pegawai kanan BHEUU ke Menara Berkembar Petronas, KLCC pada 11 Februari 2014.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN JASAMU DIKENANG 2013



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang BHEUU, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 22 April 2014. Majlis telah disempurnakan oleh YB Puan Hajah Nancy Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Seramai 16 orang pegawai BHEUU, 37 orang pegawai JBG dan 89 orang pegawai Mdl telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Selain itu, Majlis tersebut juga diadakan bagi menghargai jasa dan perkhidmatan 16 orang pegawai daripada BHEUU, JBG dan Mdl yang telah dan akan bersara pada tahun 2014.



LAWATAN KE BERNAMA

KUALA LUMPUR, 25 Jun—Seramai 25 orang pegawai BHEUU telah menyertai lawatan ke BERNAMA. Lawatan ini diketuai oleh Encik M.Kamroldin bin Hitam, Pengarah Seksyen Kewangan BHEUU. Taklimat mengenai BERNAMA disampaikan oleh YBhg. Datuk Zakaria Abdul Wahab, Timbalan Ketua Pengarang Perkhidmatan Berita Dalam Negeri BERNAMA.



TAHUKAH ANDA?

Otot yang mengawal kelopak mata anda adalah otot tercepat dalam tubuh anda. Manusia normal akan mengerdipkan mata antara 100 hingga 150 milidetik. Berkedip juga penting untuk kesihatan mata kerana ia membantu membuang bakteria dan memastikan mata anda kekal lembap.



AKTIVITI JBG BAGI JANUARI HINGGA JUN 2014

KLINIK BANTUAN GUAMAN 1MALAYSIA OLEH JBG TERENGGANU



Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia telah dijalankan oleh Jabatan Bantuan Guaman Terengganu di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun pada 28 Januari 2014.

CERAMAH KESEDARAN UNDANG-UNDANG DAN KLINIK BANTUAN GUAMAN 1MALAYSIA OLEH JBG JOHOR



9 Februari 2014 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai.

LAWATAN KERJA YB MENTERI KE AGENSI DI MIRI



Lawatan kerja YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Miri pada 21 Februari 2014.

PROGRAM MEMPERKASAKAN BELIA BERMAKLUMAT 2014, JBG SARAWAK



JBG Sarawak mengadakan Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia sempena Program Memperkasakan Belia Bermaklumat 2014 anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak pada 15 Mac 2014.

CERAMAH DAN PENERANGAN UNDANG-UNDANG OLEH JBG LANGKAWI



Pada 30 Mac 2014, Encik Yusman bin Abd Rasjid, Penolong Pengarah JBG Langkawi telah memberikan ceramah di Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia (PULAPOL) Langkawi. Seramai 354 orang peserta telah hadir ke sesi ceramah tersebut.

PROGRAM KESEDARAN MASYARAKAT OLEH JBG SIBU

Jabatan Bantuan Guaman Sibu telah mengambil bahagian dalam Program Memperkasakan Belia Bermaklumat Daerah Sibu Tahun 2014 pada 6 April 2014, bertempat di Dewan Suarah, Sibu. Program ini anjuran bersama Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak.



YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dalam Majlis Penutup Program Kesedaran Masyarakat

PELANCARAN EKSA



Majlis Pelancaran Buku Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah diadakan pada 11 April 2014 di Bilik Mesyuarat Utama. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JBG. Penyampaian hadiah bagi pertandingan bilik terbaik dimenangi oleh Puan Wan Aizaa binti Wan Abdullah, dan kategori ruang kerja dan zon terbaik dimenangi oleh Puan Juliza binti Julin.

LAWATAN PELAJAR UKM



Lawatan oleh pelajar Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia telah diadakan pada 18 April 2014 bagi mendapatkan maklumat tentang peranan dan fungsi JBG.

SEMINAR PEMERKASAAN WANITA ORANG ULU SARAWAK OLEH JBG MIRI



Pada 26 April 2014, JBG Miri menyampaikan ceramah dalam Seminar Pemerkasaan Wanita Orang Ulu Sarawak anjuran bersama Jabatan Pertanian Miri dan Pejabat Ketua Masyarakat Pemanca Elizabeth Deng yang diadakan di Eastwood Valley Golf & Country Club Miri. Cik Yong Suk Hui, Penolong Pengarah JBG Miri telah menyampaikan ceramah yang berkaitan pengenalan kepada JBG, fungsi dan peranan, syarat-syarat menjadi anak guam, jenis-jenis kes yang dikendalikan, cara-cara untuk menghubungi JBG dan hak-hak wanita sebelum dan selepas perceraian di bawah undang-undang sivil. Seramai 220 orang peserta yang terdiri daripada kaum wanita Orang Ulu telah hadir ke seminar tersebut.

PERBINCANGAN DENGAN PIHAK TAYLOR'S UNIVERSITY



Satu perbincangan bersama Timbalan Dekan, *Taylor's Law School* dan pensyarah kanan diadakan di Ibu Pejabat JBG bagi mewujudkan kolaborasi dalam memberikan khidmat nasihat guaman dan literasi undang-undang kepada orang ramai terutamanya kepada masyarakat di kawasan Lembah Klang.

PROGRAM KESEDARAN MASYARAKAT OLEH IBU PEJABAT JABATAN BANTUAN GUAMAN

A. Ceramah Kesedaran Undang-Undang Oleh Pengarah Litigasi Dan Nasihat (Syariah)

Pengarah Litigasi Dan Nasihat (Syariah) telah menyampaikan ceramah yang bertajuk "Pembelaan Hak Wanita" kepada PUSPANITA JPM di Dewan Seri Endon, Puspanitapuri pada 30 April 2014 dengan kehadiran seramai 500 peserta.



B. Festival Belia Putrajaya 2014

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah mengadakan pameran dan klinik guaman 1Malaysia sempena Festival Belia Putrajaya yang telah diadakan pada 23 hingga 25 Mei 2014. Seramai 354 orang pengunjung yang mengunjungi tapak pameran JBG. Penerangan berkaitan fungsi dan peranan JBG, perkhidmatan bantuan dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada masyarakat terutamanya kepada yang kurang berkemampuan telah disampaikan semasa pameran tersebut.



C. Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia di Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya

Program bersama Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya telah diadakan pada 23 Mei 2014. Seramai 45 orang pengunjung telah menghadiri program tersebut.

PAMERAN SEMPENA TAYLOR'S LAW AWARENESS DAY ANJURAN TAYLOR'S UNIVERSITY



Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah mengadakan pameran sempena *Taylor's Law Awareness Day* 2014 anjuran *Taylor's University* pada 29 Mei 2014 bertempat di *Taylor's University, Lakeside Campus*, Subang Jaya, Selangor. Pelajar-pelajar yang berkunjung ke tapak pameran JBG telah diberikan penerangan tentang undang-undang dan peranan serta fungsi JBG dalam memberikan perkhidmatannya kepada masyarakat.

PROGRAM BERSAMA JARINGAN WANITA UNTUK IBU TUNGGAL (JUWITA)



Program kerjasama bersama Jaringan Wanita Untuk Ibu Tunggal (JUWITA) di Premier Hotel, Kuala Lumpur telah diadakan pada 10 Mei 2014. Seramai 80 orang pengunjung telah hadir ke booth JBG bagi mendapatkan maklumat dan informasi berkaitan JBG.

KLINIK BANTUAN GUAMAN 1MALAYSIA ANJURAN BERSAMA PUSPANITA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)



JBG Ibu Pejabat telah menyampaikan ceramah dan mengadakan Klinik Guaman 1Malaysia sempena program bersama PUSPANITA Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah diadakan pada 20 Mei 2014 di Dewan Auditorium Blok D, Kompleks D, Putrajaya.

KLINIK BANTUAN GUAMAN 1MALAYSIA DI HOSPITAL SERDANG



Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia telah diadakan di Hospital Serdang pada 2 Jun 2014. Seramai 25 orang pengunjung telah hadir ke program tersebut.

TAHUKAH ANDA ?

KANDUNGAN KOLESTEROL DI DALAM 1 HIDANGAN MAKANAN

Sangat tinggi (Lebih dari 300mg)	Tinggi (100-300 mg)	Sederhana (kurang dari 100mg)	Tanpa kolesterol
CONTOH MAKANAN			
<ul style="list-style-type: none"> ◆ 1/2 cawan otak lembu/ babi/ kambing ◆ 1/2 cawan organ dalam lembu/ babi/ kambing ◆ 1 biji telur itik 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ 1 biji kuning telur ◆ 5 biji telur puyuh ◆ 1/2 cawan udang kering ◆ 20 biji kerang ◆ 1 ketul hati ayam 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ 1/2 cawan daging tanpa lemak ◆ 1 ketul ayam ◆ 1 ekor ikan ◆ 1 ekor sotong ◆ 10 ekor udang segar tanpa kepala ◆ 1 ekor ketam tanpa telur 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Buah-buahan ◆ Sayur-sayuran ◆ Bijirin / kekacang ◆ Roti / nasi 
ELAKKAN !!	Hadkan pengambilan (2-3 hidangan sahaja seminggu)	Makan secara sederhana	Optimumkan pengambilan mengikut keperluan.

TAHUKAH ANDA ?

ISU 10 PERKARA YANG MEROSAKKAN OTAK

1 TIDAK MENGAMBIL SARAPAN PAGI.

Otak merupakan organ yang paling banyak menggunakan tenaga, iaitu sebanyak 25% daripada keperluan tenaga badan. Tidak mengambil sarapan pagi menyebabkan paras gula dalam darah menjadi rendah dan mengurangkan bekalan nutrisi pada otak. Banyak sel-sel otak akan mati dan keseluruhan otak akan menjadi kurang aktif pada hari tersebut.

2 TERLEBIH MAKAN.

Tidak bermakna makan berlebihan menyebabkan otak menjadi semakin baik. Makan berlebihan menyebabkan banyak darah dialirkan kepada perut dan usus untuk tujuan pencernaan, menyebabkan kekurangan darah yang sampai kepada otak. Ini mengakibatkan mengantuk, malas dan hilang daya fokus.

3 MEROKOK.

Asap rokok sangat merbahaya kerana mengandungi pelbagai racun dan boleh membunuh banyak sel-sel otak.

4 MENGAMBIL GULA BERLEBIHAN.

Gula yang berlebihan dalam badan boleh mengganggu penyerapan protein dan nutrisi. Ia juga boleh mengganggu perkembangan otak yang sihat.

5 MENGHIDU UDARA YANG TERCEMAR.

Otak merupakan pengguna oksigen terbesar dalam badan manusia. Menghidu udara tercemar menyebabkan kerosakan sel-sel otak. Berkawan dengan perokok juga mendedahkan kita kepada asap rokok yang sangat merbahaya kepada otak.

6 TIDUR YANG BERLEBIHAN.

Tidur adalah baik untuk kesihatan otak kita. Namun tidur yang berlebihan menyebabkan otak kurang aktif dan melemahkan daya berfikir seseorang.

7 TIDUR DENGAN MENUTUP MUKA.

Tidur sambil meniarap dan menekup muka ke bantal atau menutup dengan buku atau lengan boleh menyebabkan banyak gas

karbon dioksida terperangkap dan disedut semula semasa berasas. Ini boleh menyebabkan otak kekurangan oksigen.

8 KURANG BERIMAGINASI.

Berfikir merupakan satu cara yang baik untuk mengasah otak kita. Kurang berimajinasi menyebabkan tahap kecerdasan otak menurun.

9 JARANG BERFIKIR.

Jarang berfikir menyebabkan otak kita menjadi lembap dan tidak aktif. Maka, selalu berfikir akan melatih otak kita berkerja dan meningkatkan keupayaan otak kita.

10 TIDAK MEMBACA AL-QURAN.

Al-Quran merupakan kalimah-kalimah Allah s.w.t. Membacanya akan memberi banyak manfaat kepada badan kita termasuklah mengaktifkan otak kita dan mengelakkannya daripada rosak. Tidak membaca al-Quran menyebabkan otak kita menjadi dungu dan dangkal. Q


AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KSK), BHEUU

Hari Keluarga KSK BHEUU 2013 pada 11 Januari 2014 di Agrotek Garden Resort, Hulu Langat, Selangor.



Majlis Bacaan Yasin pada hari Jumaat setiap bulan di Surau, Aras 2, BHEUU.

Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan BHEUU Kali ke-26 telah diadakan pada 4 Mac 2014 bertempat di Dewan Harmoni, Aras 2, BHEUU.



Car Boot Sale pada 23 Mei 2014 bertempat di tempat letak kereta, Aras B1, BHEUU.

AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KSK), BHEUU

Program Amal gotong-royong membersihkan surau sempena Ramadan dan penyerahan sumbangan wang tunai daripada warga BHEUU, JBG dan Mdl pada 22 Jun 2014 di Surau Al-Hidayah, Simpang Tiga, Jenderam Hilir, Dengkil.



AKTIVITI AMAL KELAB SUKAN & KEBAJIKAN (KSK) BHEUU



PUSPANITA BHEUU

Biro Pembangunan Alam Bina dan Lestari, PUSPANITA BHEUU telah menganjurkan Lawatan ke Muzium DiRaja yang bertempat di Istana Negara Lama, Jalan Istana, Kuala Lumpur pada 29 Mei 2014. Seramai 54 orang pegawai dan ahli PUSPANITA dari BHEUU, JBG dan Mdl serta ahli keluarga masing-masing telah menyertai lawatan ini. Ahli-ahli PUSPANITA BHEUU, JPM berpeluang untuk melihat dengan lebih dekat struktur bangunan warisan diraja dan persekitarannya selain dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai sejarah, peranan serta fungsi Majlis Raja-Raja kepada masyarakat. Aktiviti ini telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM105.00 dan disumbangkan kepada Tabung PUSPANITA BHEUU, JPM.



Bersempena Cuti Persekolah Pertengahan Tahun

PUSPANITA BHEUU, JPM
akan menganjurkan

LAWATAN KE MUZIUM DIRAJA
29 MEI 2014 (KHAMIS)
9.00 PAGI – 12.00 TENGAH HARI

Bayaran (termasuk kudapan ringan):

- RM10 Dewasa
- RM7 Kanak-kanak (6-12 tahun) & Pelajar Sekolah Menengah Beruniform
- RM8 Pelajar Sekolah Menengah Tidak Beruniform
- RM8 Warga Emas (55 tahun ke atas)

Berminat, hubungi:
norliza.jamil@bheuu.gov.my (1082)
sarune.be@bheuu.gov.my (1078)
hawa.jaafar@bheuu.gov.my (1151)

SEBELUM 27 MEI 2014 (SELASA)

40
orang
terawal!

Terbuka
kepada
ahli
keluarga




MUZIUM DIRAJA
(ISTANA NEGARA LAMA)
KUALA LUMPUR





CHOCO DEDICATION

Biro Pembangunan Alam Bina dan Lestari, PUSPANITA telah menganjurkan *Choco Dedication 1st Edition* 2014 bagi menghargai persahabatan yang terjalin antara pegawai di BHEUU, JBG dan Mdl. Selain itu, tempahan turut dibuka kepada ahli PUSPANITA Kementerian/Agensi berdekatan bagi penghantaran coklat di sekitar kawasan Putrajaya. Aktiviti ini telah mendapat sambutan yang menggalakan daripada warga BHEUU dan juga agensi luar. Aktiviti ini telah berjaya mengutip keuntungan sebanyak RM149.00. Keuntungan tersebut telah dimasukkan ke dalam tabung PUSPANITA BHEUU, JPM.



Penghantaran *Choco Dedication* kepada pegawai BHEUU, JBG dan Mdl telah dilakukan pada 8 Mei 2014 manakala penghantaran kepada Kementerian atau agensi luar di sekitar Putrajaya dilakukan pada 9 Mei 2014.



ETIKA DI TEMPAT KERJA:



